

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN
PERDAMAIAN INDONESIA DAN MALAYSIA
PADA 11 OGOS, 1966.

Yang Mulia Tuan Adam Malek¹, •

Tuan-tuan Yang Terutama,

Para hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini menyampaikan kepada Kerajaan dan rakyat Republik Indonesia salam muhibah daripada Kerajaan dan rakyat Malaysia seluruhnya. Rakyat Malaysia, dan saya percaya rakyat Indonesia juga, sedang menunggu-nunggu sampainya masa untuk menandatangani Perjanjian ini dengan hasrat bahawa perhubungan di antara dua negara itu akan pulih sebagai sedia kala. Bersama ini juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Indonesia di atas sambutan yang meriah yang telah diberikan kepada rombongan saya pada masa tibanya hari ini di Jakarta. Syukur Alhamdulillah setelah menempuh perselisihan yang hebat selama lebih kurang 3 tahun, pada hari ini kedua negara yang berjiran yang mempunyai perhubungan yang rapat berkurun-kurun lamanya dan mempunyai asal yang sama, dapat mengikat satu tali pengertian untuk hidup bersama bantu membantu antara satu sama lain.

Tuan Yang Mulia, rundingan di Bangkok tempoh hari yang lalu telah menghasilkan satu pengertian dan telah menggerakkan satu langkah yang utama ke arah keamanan dan persahabatan di kalangan rakyat Indonesia dan Malaysia. Pengertian di Bangkok itu adalah menimbulkan satu sejarah baharu dalam perjuangan rakyat Indonesia dan Malaysia untuk membina dan menjamin nasib mereka itu di

Asia dan di seluruh dunia. Pengertian yang telah dicapai di Bangkok itu adalah sebenarnya hasil daripada keinginan dan keazaman rakyat di dua buah negara untuk mencapai keamanan, persahabatan dan

persaudaraan serta kebahagiaan hidup. Rakyat kedua-dua negara ini telah memutuskan dan telah berazam untuk mengatasi segala perselisihan-perselisihan dan halangan-halangan yang telah timbul di masa yang lampau dan telah memberi mandat untuk memulihkan keamanan, menghubungkan semula tali persahabatan dan perdamaian serta mencapai kemajuan bagi Indonesia dan Malaysia. Rakyat Indonesia dan rakyat Malaysia berkehendakkan keamanan dan pembelaan untuk penghidupan mereka yang lebih baik, rakyat berkehendakkan keamanan bukan peperangan; persahabatan bukan perselisihan; pembinaan bukan keruntuhan; dan kemajuan bukan kemunduran.

Tuan Yang Mulia, di sini saya suka menyatakan dengan sepenuhnya keyakinan bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia bahawa adalah menjadi satu garis besar dasar luar negeri Malaysia untuk membina dan menimbulkan perasaan kerjasama dan persahabatan yang mendalam di antara Indonesia dan Malaysia. Kami di Malaysia tidak lagi ragu-ragu bagi mengusahakan segala-galanya supaya dapat persaudaraan dan persahabatan di antara Indonesia dan Malaysia itu dilaksanakan sebagai satu kenyataan yang tetap akan berpanjangan antara kedua buah negara. Kami tidak gentar terhadap perbuatan-perbuatan anasir-anasir yang memang terus mencuba untuk menghalang perjuangan kita untuk keamanan dan kemakmuran. Bahkan Malaysia tidak akan mengurangkan usahanya dan terus berwaspada atas perbuatan anasir yang tersebut dan seterusnya Malaysia mempunyai keyakinan bahawa kami akan mencapai kejayaan sebab tujuan kami adalah maha tinggi dan maha suci.

Tuan Yang Mulia, kami dari Malaysia adalah menghulur tangan persahabatan dan salam persaudaraan kepada rakyat Indonesia kerana persahabatan dan kerjasama yang rapat antara dua negara tetapi juga bagi keamanan dan ketenteraman di seluruh Tenggara Asia ini. Rakyat Malaysia mengalu-alukan adanya sebuah negara Indonesia — negara jiran yang kuat dan teguh — dalam kawasan Tenggara Asia yang sanggup hidup damai dan bekerjasama dengan jiran-jirannya yang lain. Bahkan kami sangat-sangat mengharapkan adanya Indonesia yang kuat, yang maju dan yang tenteram dan yang boleh menggunakan tenaga manusia yang banyak dan sumber-sumber kekayaan buminya untuk mencegah ancaman-ancaman oleh anasir-anasir yang khianat terhadap Tenggara Asia. Saya suka menegaskan bahawa Malaysia adalah berazam hendak berusaha dan

bekerjasama bagi menentukan nasib kita bersama di Tenggara Asia dan di dunia. Negara-negara di Tenggara Asia hendaklah mempunyai kerjasama yang baik dan bersifat jujur antara satu dengan lain dan kami yakin Indonesia akan dapat memainkan peranan yang penting untuk menimbulkan kerjasama dan persahabatan yang baik di antara negara-negara di Tenggara Asia.

Tuan Yang Mulia, hari ini kita telah menyaksikan timbulnya pemulihan perhubungan antara kedua-dua negara yang berjiran. Dengan Perjanjian ini, Indonesia dan Malaysia telah dapat sebenarnya menunjukkan kepada dunia bagaimana dua negara di Tenggara Asia dapat menyelesaikan perselisihan dan pertelingkahan dengan bersendirian dengan menunjukkan hasrat-hasrat dan cita-cita yang ikhlas. Saya yakin dan percaya, penyelesaian yang dicapai dengan secara langsung ini akibat dari kejujuran rakyat kedua buah negara akan berkekalan dan dapat menjadi contoh kepada negara-negara lain di Asia bagaimana pertikaian antara mereka dapat di atasi jika ada hasrat dan cita-cita yang ikhlas untuk hendak berbaik dan bersahabat. Dengan Perjanjian yang ditandatangani ini, Indonesia dan Malaysia, kedua-duanya telah mencapai satu kemenangan. Seperti yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman apabila mendengar berita kejayaan di Bangkok, persetujuan Bangkok itu adalah merupakan kemenangan kepada kedua belah pihak, Indonesia dan Malaysia.

Tuan Yang Mulia, Malaysia memandang kepada upacara menandatangani Perjanjian hari ini dengan penuh harapan bahawa kerjasama dan saling mengerti dinanti-nanti oleh rakyat kedua buah negara ini, antara Indonesia dan Malaysia, akan dapat diperkuat dan diperkembangkan. Malaysia berharap bahawa tidak lama lagi Perjanjian Persahabatan yang telah ditandatangani pada 17 April, 1959 itu dapat dihidupkan semula dan dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Begitu juga Malaysia berharap dapat kerjasama dari pihak Indonesia untuk menghapuskan anasir-anasir yang memang ada di kawasan-kawasan sempadan yang mungkin menimbulkan suasana yang tidak baik antara kedua-dua pihak. Inilah satu langkah yang mustahak diambil dengan secepat mungkin oleh kedua-dua negara untuk keamanan bersama dan untuk mengemukakan persahabatan dan persaudaraan antara dua negara. Perjuangan bagi Indonesia dan Malaysia untuk pembinaan ketenteraman, kemajuan dan kemakmuran di Tenggara Asia umumnya,

dan Indonesia dan Malaysia khususnya, tidak dapat tiada akan mengambil masa yang panjang dan akan menghadapi dugaan-dugaan dan tentangan-tentangan. Akan tetapi saya percaya segala dugaan-dugaan dan tentangan-tentangan itu akan dapat diatasi. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya suka memberi jaminan bahawa Malaysia akan mengambil apa juga langkah yang patut dengan keazaman yang penuh untuk menguatkan kerjasama dan persahabatan antara dua buah negara dan untuk melaksanakan cita-cita kita bersama bagi menimbulkan semula dan memperkuatkan kerjasama dan persahabatan di antara dua negara kita ini iaitu Indonesia dan Malaysia.

Demikianlah, terima kasih.

¹ Menteri Luar Indonesia